



Saifuddin ketika menghadiri forum yang dijalankan oleh pihak Universiti Utara Malaysia secara dalam talian.

Kerajaan perlu saran kakitangan sambung belajar

Oleh ALWANI ZAFIRAH | 9 Disember 2021, 4:26 pm

PETALING JAYA – Penjawat awam disarankan menyambung pengajian pasca siswazah agar dapat memajukan diri terutamanya menyumbang tenaga dan idea dalam meningkatkan kualiti kerja dan syarikat.

Menteri Luar Negeri, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, ramai penjawat awam yang hebat tetapi sukar untuk berkembang sebagai pakar atau pakar subjek kerana struktur semasa.

"Kita perlu menggalakkan penjawat awam untuk mengejar pengajian pasca siswajah dan melibatkan diri dalam program teknikal.

"Kerajaan boleh membantu dari segi mengembangkan skim Guru Cemerlang dengan mempromosikan guru luar biasa ke gred yang lebih tinggi tanpa beban kerja pentadbir," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook miliknya.

Tambah Saifuddin, demokrasi dalam negara perlu menjadi lebih matang dengan melibatkan ramai ahli politik yang memberi fokus kepada dasar awam.

"Peralihan politik ini memerlukan golongan belia di negara kita untuk mengisi keperluan ahli politik rakyat yang berorientasikan dasar serta menjalankan kerjasama dengan perkhidmatan awam," katanya.

Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa hubungan yang baik adalah untuk menentukan arah masa depan negara yang lebih terjamin.

Terbaru, beliau [dijemput](#) sebagai ahli panel dalam mengulas sebuah isu mengenai pengaruh politik terhadap pentadbiran awam dalam sebuah forum yang dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia.- K! ONLINE.